Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001764
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1764

Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Penilaian Pelajar Sekolah dalam Penjara di Malaysia

(Development and Validation of Assessment Instrument for School Students in Prison in Malaysia)

Nuraihan Mohamad Hashim[1*], Muhamad Suhaimi Taat[2]

[1]Sekolah Integriti Kota Kinabalu, Penjara Pusat Kota Kinabalu, Peti Surat 11020, 88811, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: nuraihan.hashim@gmail.com
[2]Falkulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: suhaimi@ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nuraihan Mohamad Hashim
(nuraihan.hashim@gmail.com)

KATA KUNCI:
Sekolah dalam penjara
Kesahan
Kebolehpercayaan
Pembinaan instrumen
Penilaian

KEYWORDS:
Prison school
Validity
Reliability
Instrument development
Assessment

CITATION:
Nuraihan Mohamad Hashim & Muhamad Suhaimi Taat. (2022). Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Penilaian Pelajar Sekolah dalam Penjara di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001764. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1764

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangun dan mengesahkan instrumen untuk menilai kemenjadian pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia. Berdasarkan kajian literatur dan sesi perkongsian dengan guru-guru berpengalaman yang mengajar di sekolah dalam penjara, pengkaji mengenal pasti konstruk dan item yang menyumbang kepada pengukuran kemenjadian pelajar. Kesahan dan kebolehpercayaan telahlah dilakukan ke atas item yang dibina. Kesahan kandungan instrumen ini melibatkan 8 orang pakar dalam pelbagai bidang. Seramai 432 pelajar terlibat di dalam kajian ini. Hasilnya instrumen baru dibangunkan terdiri daripada 4 konstruk kemenjadian pelajar iaitu sikap pembelajaran, motivasi pencapaian, akhlak dan kendiri akademik. Analisis faktor penerokaan dijalankan bagi mendapatkan kesahan konstruk menggunakan perisian SPSS. Muatan faktor setiap item adalah dalam julat 0.669 hingga 0.805 dan nilai kebolehpercayaan (*alpha*) pula adalah dalam julat 0.78 hingga 0.83. Jumlah keseluruhan item yang dibina berdasarkan konstruk tersebut ialah sebanyak 55 item. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan instrumen ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diguna pakai dalam menilai kemenjadiaan pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia.

ABSTRACT

The purpose of this study was to develop and validate an instrument to assess the occurrence of students in schools in prisons in Malaysia. Based on the literature review and sharing sessions with experienced teachers who teach in prison schools, the researcher identified constructs and items that contribute to the measurement of student achievement. Validity and reliability have been done on the

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

constructed items. The content validity of this instrument involved 8 experts in various fields. A total of 432 students were involved in this study. As a result, a newly developed instrument consists of 4 constructs of student development which are attitude, achievement motivation, morals and academic self-efficacy. Exploratory factor analysis was conducted to obtain construct validity using SPSS software. The factor loading of each item is in the range of 0.669 to 0.805 and the reliability value (alpha) is in the range of 0.78 to 0.83. The total number of items built based on the construct is 55 items. The findings of this study clearly show that this instrument has high validity and reliability and can be used to assess the performance of students in schools in prisons in Malaysia.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pembinaan alat ukur yang baharu dalam bidang psikometrik. Pembinaan instrumen ini memenuhi ciri-ciri psikometrik yang baik dan dapat dijadikan rujukan dalam menilai kemenjadian remaja delinkuen di Malaysia. Sumbangan daripada kajian ini dapat diaplikasikan di semua sekolah penjara di seluruh Malaysia.

1. Pengenalan

Jabatan Kebajikan Masyarakat melaporkan kes juvana melibatkan kanak-kanak dan remaja dalam jenayah semakin meningkat. Terdapat pelbagai lata belakang kes juvana yang dihadapkan ke mahkamah seperti bersabit dengan mencuri, bersabit dengan orang, kesalahan bersabit dengan seks, melanggar ordinan tahanan, judi, melanggar undang-undang kecil perbendaharaan,lalu-lintas, memiliki senjata dan lain-lain. Kanak-kanak dan remaja yang melakukan jenayah berumur di bawah 21 tahun dikategorikan sebagai juvana.

Kanak-kanak dan remaja yang bermasalah akan dihantar ke institusi koreksional untuk menjalani hukuman. Jabatan Penjara Malaysia merupakan salah satu institusi koreksional yang menerima pesalah-pesalah muda untuk menjalani hukuman. Memandangkan usia pesalah muda yang ditempatkan di penjara adalah masih muda, Jabatan Penjara Malaysia mengambil berat mengenai keperluan pendidikan di dalam penjara. Berdasarkan keperluan tersebut, Jabatan Penjara Malaysia telah menubuhkan sekolah dalam penjara bagi memberikan pendidikan kepada banduan muda atau juvana yang berumur 21 tahun ke bawah. Penubuhan sekolah dalam penjara adalah selaras dengan hasrat dan misi Jabatan Penjara Malaysia iaitu menyediakan program pemulihan yang berkesan. Selain itu, penubuhan sekolah juga adalah untuk menyokong seruan UNESCO berkaitan dengan ‘Pendidikan Untuk Semua’ (UNESCO, 2000).

1.1. Instrumen Penilaian Pelajar Sekolah Dalam Penjara (IPPSDP)

IPPSDP adalah inovasi dalam pembinaan instrumen baru untuk mengukur kemenjadian pelajar setelah menjalani hukuman di sekolah dalam penjara. Tinjauan literatur dijalankan secara mendalam dan guru-guru yang berpengalaman mengajar di sekolah dalam penjara dilibatkan untuk menyumbang pandangan tentang pembinaan item di dalam IPPSDP. Semenjak sekolah dalam penjara diwartakan secara rasmi beroperasi dengan bantuan guru kader daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, belum pernah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ada alat ukuran yang sah dan boleh dipercayai untuk menilai kemenjadian pelajar di penjara. Pembinaan instrumen ini memberi sumbangan yang penting kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk melihat sejauh mana objektif pelaksanaan sistem pendidikan di sekolah dalam penjara dapat dicapai. Pembinaan instrumen ini dilaksanakan mengikut Model Pembinaan Instrumen Cohen dan Swerdlik (2005) dengan melalui fasa kesahan dan kebolehpercayaan yang telah ditetapkan. Penetapan Model Pengukuran merupakan salah satu tahap yang terdapat dalam Prosedur Sistematik Pelaksanaan *Partial Least Square Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) oleh Hair et al. (2010) yang difahami oleh penyelidik bagi menerangkan pembangunan instrumen ini.

1.2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia yang telah dibangunkan.

2. Sorotan Literatur

Setiap pelajar di sekolah dalam penjara dilihat perkembangannya bukan sahaja dari aspek akademik, namun perubahan dari segi sikap, akhlak, motivasi untuk menjadi insan yang lebih baik juga sentiasa diberi penekanan (Darussalam, 2014). Ini dinyatakan dengan jelas di dalam objektif penubuhan sekolah dalam penjara di mana aspek-aspek ini dititikberatkan agar para pelajar berjaya memulakan hidup baru apabila bebas kelak.

Terdapat kajian yang telah membuktikan sekolah yang mempunyai matlamat atau piawaian yang jelas dan amalan guru mengumpul serta meninjau maklumat pencapaian adalah antara sekolah yang berjaya meningkatkan pencapaian pelajarnya (Newmann et al., 1997; Timperley, 2005, Beare et al., 2018; Fitria, 2018). Menurut Pauzi et al. (2016) pelaksanaan program pemulihan yang bersesuaian kepada kanak-kanak merupakan sesuatu yang perlu diambil berat. Namun sejauh mana penilaian terhadap program yang disediakan oleh pihak bertanggungjawab atau pihak penganjur program mampu memberi manfaat kepada kumpulan sasaran perlu juga diberi perhatian. Penilaian hasil akhir sesuatu program merupakan perkara penting yang perlu diambil kira semasa merancang dan mengimplementasikan program pemulihan. Ini bagi memastikan objektif program pemulihan tercapai tanpa permasalahan (Fijwala et al., 2014). Sekiranya penilaian program tidak dilakukan, keberkesanan sesebuah program ke atas golongan sasar sukar untuk diukur (Royse et al., 2001). Menurut Darusalam & Hussin (2018), penilaian sesuatu program adalah penting bagi melihat kecekapan, keberkesanan dan kelemahan pelaksanaan sama ada semasa program dilaksanakan atau selepas lima bulan pelaksanaannya. Namun begitu, alat ukur yang digunakan untuk menilai program juga perlu mematuhi kesahan dan kebolehpercayaan yang baik agar pengukuran yang dibuat dapat memberikan maklumat yang tepat kepada pengkaji (Sekaran & Bougie, 2011). Kebanyakan pengkaji memilih untuk mengadaptasi instrumen dari kajian-kajian lain sama ada dari dalam atau luar negara. Perkara ini mungkin disebabkan oleh proses pembinaan instrumen itu sendiri yang rumit dan kompleks (Mohd Effendi, 2015).

Sejak sekolah dalam penjara beroperasi, belum pernah alat ukur dibangunkan secara sah untuk mengukur sama kemenjadiaan pelajar setelah menamatkan program pendidikan di penjara. Oleh yang demikian, penyelidik menjalankan kajian membina instrumen yang sah dan boleh dipercayai untuk menilai sama ada sekolah dalam penjara dapat mengubah pelajar dari segi sikap, motivasi, akhlak dan pencapaian akademik selaras dengan objektif penubuhan sekolah. Penilaian hasil akhir sesuatu program merupakan perkara penting

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang perlu dilaksanakan semasa merancang dan mengimplementasikan program pemulihan. Ini bagi memastikan objektif program pemulihan dapat dicapai (Fatimah, 2009). Keberkesanan sesebuah program ke atas golongan sasar sukar untuk diukur sekiranya penilaian program tidak dilakukan (Royse et al., 2001).

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian psikometrik yang menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji mengadaptasi prosedur pembinaan instrumen seperti yang dicadangkan oleh Cohen dan Swerdlik (2005) dan mengguna pakai pendekatan pembinaan instrumen rasional-empririkal yang telah dicadangkan oleh Murphy dan Davidshofer (2005). Mengikut Cohen dan Swerdlik (2005) untuk mendapatkan kajian yang komprehensif dan seterusnya akan menghasilkan instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi, sesuatu kajian hendaklah menggunakan aliran langkah kerja yang melibatkan tiga fasa utama iaitu Fasa Mereka Bentuk, Fasa Pembinaan dan Fasa Pengesahan Instrumen. Kajian rintis dijalankan kepada kumpulan yang mempunyai latar belakang yang sama dengan kumpulan sasaran dalam kajian sebenar (Burns, 2000; Cohen & Swerdlik, 2002; McMillan, 2008). Bagi kajian ini, pengkaji menjalankan kajian rintis kepada bekas-bekas pelajar sekolah dalam penjara yang telah bebas. Proses ujian rintis merupakan proses awal untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Hanya item-item yang menepati piawaian berdasarkan analisis item, kesahan dan kebolehpercayaan akan dikekalkan. Ujian rintis dilaksanakan bagi keperluan menjalankan analisis faktor penerokaan (EFA).

3.1. Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Nunnally dan Bernstein (1994), bilangan minimum sampel yang diperlukan untuk pengujian instrumen yang baru dibina ialah seramai 300 orang. Guilford (1954) pula menetapkan bilangan minimum responden untuk analisis faktor ialah seramai 200 orang. Namun Gorsuch (1983) mengurangkan bilangan minimum responden kepada 100 orang. Menurut Byrne (2010), Hair et al. (2010) dan Zainudin (2015), saiz sampel sekurang-kurangnya 100 hingga 150 orang diperlukan untuk tujuan rintis. Daripada saranan beberapa sarjana, pengkaji memilih untuk menetapkan seramai 100 sampel untuk menjalankan ujian rintis. Responden yang dipilih terdiri daripada bekas pelajar dari sekolah dalam penjara.

3.2. Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang dibina adalah berbentuk penilaian kendiri pelajar terhadap perubahan yang mereka lalui sepanjang berada di sekolah dalam penjara mencakupi empat konstruk iaitu sikap, motivasi, akhlak dan akademik. Item-item yang dibina telah menjalani proses kesahan kandungan melalui penilaian lapan orang pakar bagi mengesahkan item-item yang digunakan menilai kemenjadian pelajar di sekolah dalam penjara. Penilaian semula dan penambahbaikan dilakukan kepada item-item setelah mengambil kira segala komen dan cadangan yang dikemukakan oleh pakar. Pengkaji telah membuat keputusan untuk menggunakan format respon skala Likert 5 mata dalam kajian ini. Jumlah keseluruhan item yang dibina ialah sebanyak 55 item. Jadual 1 memaparkan maklumat berkaitan instrumen kajian yang meliputi aspek konstruk, subkonstruk dan format respons yang digunakan dala pembinaan IPPSDP.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Konstruk, sub konstruk dan format respon IPPSDP

Konstruk	Subkonstruk	Format Respon
Sikap (12 item)	1. Perkembangan idea/fikiran terhadap pembelajaran (kognitif) 2. Perasaan dan keyakinan pelajar terhadap pendidikan (afektif) 3. Tingkah laku ke arah pembelajaran (tingkah laku)	Skala Likert 5 mata 5 – Sangat Setuju 1 – Sangat Tidak Setuju
Motivasi (14 item)	1. Keperluan untuk mencapai kejayaan 2. Keupayaan untuk meningkatkan prestasi 3. Keyakinan terhadap masa depan yang cerah	Skala Likert 5 mata 5 – Sangat Setuju 1 – Sangat Tidak Setuju
Akhlak (18 item)	1.Perubahan tingkahlaku diri, penjagaan tubuh badan, dan pembersihan jiwa 2.Berbuat baik kepada ibu bapa dan kaum kerabat 3.Tanggungjawab manusia kepada Tuhan dan kepercayaan kepada agama	Skala Likert 5 mata 5 – Sangat Setuju 1 – Sangat Tidak Setuju
Pencapaian Akademik (11 item)	1.Refleksi kendiri terhadap penguasaan mata pelajaran secara keseluruhan 2.Refleksi kendiri terhadap penguasaan kemahiran	Skala Likert 5 mata 5 – Sangat Setuju 1 – Sangat Tidak Setuju

4. Hasil Kajian

4.1. Konstruk sikap

Berdasarkan analisis faktor penerokaan bagi konstruk sikap pembelajaran, ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) melalui putaran orthogonal (*varimax*) menunjukkan nilai signifikan adalah 0.902. Ini menunjukkan bahawa data tidak mempunyai masalah multikolineariti yang serius, maka item-item tersebut sesuai untuk analisis faktor. Manakala keputusan Ujian *Bartlett's Test Of Sphericity* pula menunjukkan bahawa nilai signifikan. Keputusan menunjukkan bahawa sikap pelajar dalam pembelajaran di sekolah dalam penjara menerangkan 51.0% daripada jumlah keseluruhan varians dengan beban faktor di antara 0.52 hingga 0.78 dan nilai eigen sebanyak 6.12. Keputusan menunjukkan bahawa penggunaan 12 item di dalam konstruk sikap seperti di Jadual 2 sesuai untuk mengukur kemenjadian sikap pelajar terhadap pembelajaran di sekolah dalam penjara.

Jadual 2: Muatan faktor untuk item sikap

Item Sikap	Muatan faktor
Pelajar mengaitkan apa yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah (S4)	0.78
Pelajar semakin suka membaca (S3)	0.77
Daya Ingatan pelajar meningkat (S9)	0.76
Pelajar berasa positif apabila berada di sekolah (S6)	0.74
Pelajar yakin untuk mengulangkaji (S5)	0.74
Pelajar berusaha menumpukan perhatian di dalam kelas (S7)	0.73
Pelajar berminat apabila mendengar perkataan sekolah (S2)	0.71

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pelajar bersyukur diberi peluang untuk belajar (S12)	0.71
Pelajar seronok apabila dapat memahami (S10)	0.69
Pelajar rasa seronok belajar (S1)	0.67
Fikiran pelajar lebih berkembang (S8)	0.66
Pelajar kerap melatih minda bagi menguatkan daya ingatan (S11)	0.52

4.2. Konstruk motivasi pencapaian

Konstruk motivasi mempunyai 14 item sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 bersama hasil kaedah pengekstrakan dan putaran orthogonal (*varimax*). Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) keseluruhan untuk konstruk motivasi pencapaian ialah 0.86 dan keputusan *Bartlett's test of Sphericity* adalah signifikan. Keputusan ini menunjukkan bahawa motivasi pencapaian pelajar di sekolah dalam penjara menerangkan 46.77% daripada jumlah varians dengan beban faktor di antara 0.57 hingga 0.82 dan nilai eigen sebanyak 6.54. Keputusan menunjukkan bahawa 14 item di dalam konstruk motivasi pencapaian dianggap sesuai untuk mengukur kemenjadian motivasi pencapaian pelajar di sekolah dalam penjara.

Jadual 3: Muatan faktor untuk item motivasi

Item Motivasi	**Muatan faktor**
Pelajar yakin dapat mencari pekerjaan selepas bebas (M13)	0.82
Pelajar membuktikan diri boleh berjaya (M2)	0.76
Membolehkan pelajar mendapat kerja dalam bidang yang disukai (M3)	0.76
Mendorong pelajar mendapat penghargaan daripada orang seeliling (M12)	0.73
Pelajar yakin pendidikan dapat mengubah masa depan (M10)	0.73
Mendorong pelajar untuk gigih berusaha (M9)	0.68
Membantu menetapkan maltlamat yang diingini (M7)	0.68
Mendorong mengurangkan sifat cuai dalam pembelajaran (M8)	0.67
Mendorong untuk menjawab soalan dengan baik (M11)	0.67
Pelajar meningkatkan kecekapan sebagai pekerja (M6)	0.64
Pelajar dapat bersaing secara sihat (M14)	0.61
Pelajar sedar dia adalah seorang uang bijak (M5)	0.58
Pelajar semangat untuk berjaya dalam pelajaran (M4)	0.57
Membantu pelajar membuat pilihan dalam bidang pekerjaan (M1)	0.57

4.3. Konstruk akhlak

Konstruk akhlak mempunyai 18 item sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4 bersama hasil kaedah pengekstrakan dan putaran orthogonal (*varimax*). Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) keseluruhan untuk konstruk akhlak ialah 0.84 dan keputusan *Bartlett's test of Sphericity* adalah signifikan. Keputusan ini menunjukkan bahawa akhlak pelajar di sekolah dalam penjara menerangkan 41.14% daripada jumlah varians dengan beban faktor di antara 0.43 hingga 0.76 dan nilai eigen sebanyak 7.40. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat 2 item yang mempunyai nilai faktor muatan yang rendah iaitu item A1 (*menggalakkan saya melakukan perkara yang baik*) dan A14 (*menghalang saya pergi ke tempat yang tidak baik*). Item ini telah digugurkan bagi mendapat muatan struktur terbaik. Secara keseluruhannya, 16 item di dalam konstruk akhlak dianggap sesuai untuk mengukur kemenjadian akhlak pelajar di sekolah dalam penjara.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 4: Muatan faktor untuk item akhlak

Item Akhlak	Muatan faktor
Pelajar menjadi seorang yang rajin beribadat (A9)	0.76
Pelajar sedar bahawa agama adalah panduan hidup (A6)	0.76
Pelajar menjadi seorang yang mudah mendengar nasihat (A7)	0.74
Pelajar percaya kepada Tuhan (A8)	0.74
Pelajar memperbaiki hubungan baik dengan keluarga (A17)	0.73
Pelajar sedar kepentingan ahli keluarga (A16)	0.73
Pelajar patuh kepada Tuhan (A18)	0.69
Pelajar ingin berbakti kepada ahli keluarga (A15)	0.69
Pelajar tidak mahu terlibat dengan jenayah lagi (A11)	0.65
Pelajar hormat kepada orang yang lebih tua (A13)	0.62
Pelajar menjaga kebersihan diri (A10)	0.61
Pelajar menjadi seorang yang bertanggungjawab kepada keluarga (A5)	0.60
Pelajar menjadi seorang yang mengakui kesalahan (A2)	0.59
Pelajar menjadi seorang yang pemaaf (A3)	0.57
Pelajar ikhlas beribadat (A12)	0.56
Pelajar menjadi seorang yang mudah berkawan (A4)	0.53
Pelajar tidak mahu pergi ke tempat yang tidak baik (A14)	0.45
Pelajar ingin melakukan perkara yang baik (A1)	0.43

4.4. Konstruk akademik

Konstruk akademik mempunyai 11 item sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5 bersama hasil kaedah pengekstrakan dan putaran orthogonal (*varimax*). Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) keseluruhan untuk konstruk akademik ialah 0.88 dan keputusan *Bartlett's test of Sphericity* adalah signifikan. Keputusan ini menunjukkan bahawa akademik pelajar di sekolah dalam penjara menerangkan 58.65% daripada jumlah varians dengan beban faktor di antara 0.67 hingga 0.85 dan nilai eigen sebanyak 6.45. Keputusan menunjukkan bahawa 11 item di dalam konstruk akhlak dianggap sesuai untuk mengukur kemenjadian akhlak pelajar di sekolah dalam penjara.

Jadual 5: Muatan faktor untuk item akademik

Item Akademik	Muatan faktor
Pelajar bangga dengan pencapaian akademik (AK7)	0.85
Pencapaian akademik pelajar lebih baik daripada sebelum masuk ke penjara (AK8)	0.82
Pelajar yakin untuk menjawab peperiksaan (AK6)	0.79
Tahap kemahiran menulis pelajar meningkat (AK4)	0.79
Pelajar mempunyai rasa tanggungjawab untuk menyelesaikan tugasan (AK9)	0.78
Tahap kemahiran mengira pelajar meningkat (AK5)	0.78
Kemahiran pelajar menyelesaikan masalah dalam tugasan meningkat (AK10)	0.75
Kualiti kerja pelajar meningkat (AK2)	0.73
Kemahiran pelajar membuat keputusan meningkat (AK11)	0.73
Tahap kemahiran membaca pelajar meningkat (AK3)	0.67
Ilmu pengetahun pelajar meningkat (AK1)	0.67

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.5. Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi memantapkan lagi pembangunan instrumen penilaian pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia, tahap kebolehpercayaan menggunakan pekali *Alpha Cronbach* digunakan selepas analisis faktor dijalankan. Kajian rintis dijalankan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen. Nilai *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan instrumen ini adalah 0.88. ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik kerana nilai alpha bagi keempat-empat konstruk penilaian kemenjadian pelajar di sekolah penjara adalah melebihi 0.7. Jadual 6 menunjukkan kesemua item dalam konstruk penilaian pelajar di sekolah dalam penjara menunjukkan nilai korelasi *item-total* yang agak tinggi. Nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 boleh diterima dan digunakan dalam kajian (Hair et al., 2014). Dengan ini instrumen penilaian pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia yang disediakan oleh penyelidik adalah sesuai diukur dan membuktikan mempunyai ketekalan dalaman yang baik.

Jadual 6: Nilai Kebolehpercayaan bagi Pemboleh Ubah Penilaian Pelajar di Sekolah Dalam Penjara

Konstruk	**Item**	***Corrected Item-Total correlation***	**Alpha**
Sikap	12	.60 .56 .56 .62 .57 .66 .65 .57 .63 .65 .62.61	.78
Motivasi pencapaian	14	.67 .63 .65 .65 .63 .60 .64 .59 .60 .55 .72 .75 .57 .63 .56	.82
Akhlak	18	.72 .75 .57 .63 .56 .66 .53 .57 .58 .62 .56 .64 .65 .66 .65 .66 .66 .52 .61	.81
Akademik	11	.67 .63 .60 .72 .66 .64 .65 .61 .63 .60 .65	.83
IPPSDP	55	.88	

5. Perbincangan Kajian

IPPSDP dibina berdasarkan empat konstruk utama yang dikenal pasti berdasarkan objektif penubuhan sekolah dalam penjara iaitu perubahan sikap pembelajaran, motivasi pencapaian, akhlak dan kendiri akademik. Sebanyak 55 item telah dibangunkan dengan pecahan item mengikut konstruk adalah sikap pembelajaran (12 item), motivasi pencapaian(14 item), akhlak (18 item) dan pencapaian akademik (11 item).

Terdapat tiga sub konstruk yang dikenal pasti bagi konstruk perubahan sikap pembelajaran iaitu (i) perubahan dari segi kognitif pelajar terhadap pembelajaran di sekolah dalam penjara, (ii) perubahan afektif pelajar terhadap pembelajaran di sekolah dalam penjara dan (iii) perubahan tingkah laku pelajar terhadap pembelajaran di sekolah dalam penjara. Bagi konstruk motivasi pencapaian pula, terdapat tiga sub kontruk yang di kenal pasti iaitu (i) keperluan pelajar untuk mencapai kejayaan di sekolah dalam penjara, (ii) keupayaan untuk meningkatkan prestasi dan (iii) keyakinan terhadap masa depan yang cerah. Bagi konstruk akhlak, tiga sub konstruk di kenal pasti iaitu (i)perubahan akhlak peribadi, (ii) perubahan akhlak kekeluargaan dan (iii) perubahan akhlak agama. Konstruk kendiri akademik merujuk kepada dua sub konstruk penilaian kendiri akademik pelajar terhadap (i) pencapaian mata pelajaran secara keseluruhan dan (ii) pencapaian kemahiran pelajar.

Model pembinaan instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah Model Cohen dan Swerdlik (2002). Kesahan konstruk adalah wajar digunakan untuk mengesahkan instrumen berbanding prosedur yang lain (Nunnally & Bernstein, 1994). Instrumen penilaian pelajar di sekolah dalam penjara ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan juga kesahan konstruk yang baik serta boleh digunakan untuk mengukur kemenjadian pelajar setelah tamat bersekolah di sekolah dalam penjara. Instrumen ini mudah ditadbir oleh guru-guru kerana terdapat 55 item yang menggunakan skala Likert lima mata adalah sesuai dan tidak membebankan guru untuk menilai pelajar (Ludwig et al., 2015). Di samping itu, instrumen penilaian pelajar ini adalah mesra pengguna kerana ayat dan perkataan yang digunakan adalah ringkas dan mudah difahami. Instrumen ini juga sangat ekonomikal dari segi masa dan kecekapan kos (Walberg et al., 1986). Hal ini kerana pelajar dan guru seringkali menghadapi masalah kekangan masa. Instrumen ini juga boleh digunakan kepada pelajar-pelajar di pusat pemulihan akhlak yang lain kerana kajian ini menumpukan kemenjadian pelajar yang pernah melakukan kesalahan jenayah.

6. Kesimpulan

Pembinaan IPPSDP telah di melalui fasa penilaian kesahan dan kebolehpercayaan agar item-item yang di bina mempunyai ciri-ciri psikometrik yang baik. Pembinaan instrumen yang baru memerlukan penelitian yang tinggi agar setiap item yang dibina benar-benar mengukur konstruk yang ditetapkan. Inovasi ini dapat menjadi rujukan kepada Jabatan Penjara Malaysia mengenai mutu sistem pendidikan di sekolah dalam penjara. Melalui penilaian terhadap pelajar yang mengikuti sistem pendidikan di sekolah dalam penjara, pihak pengurusan tertinggi dapat membuat penambahbaikan agar objektif sekolah dapat dicapai dengan maksima. Para guru juga akan mendapat manfaat daripada pembinaan instrumen ini. Para guru dapat menilai sama ada pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah dalam penjara membantu pelajar berubah menjadi insan yang lebih baik. Pembinaan instrumen ini juga dapat dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang lain terutama dalam bidang modifikasi tingkah laku, kemenjadian pelajar dan pelajar bermasalah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Universiti Malaysia Sabah. Semua prosedur yang dilaksanakan dalam kajian ini mengikut piawaian etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Malaysia Sabah. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua panel dan peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua panel pakar yang telah memberikan komen dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan instrumen ini. Terima kasih juga kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini menerima tajaan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan dan penerbitan kajian ini.

Rujukan

Beare, H., Caldwell, B. J., & Millikan, R. H. (2018). *Creating an excellent school: Some new management techniques*. Routledge.Cohen, R.J. dan Swerdlik, M.E. (2005). *Psychological testing and assessment: An introduction to test and measurement.* Edisi ke-5. Boston: Mcgraw-Hill.

Burns, R. B. (2000). *Introduction to Research Methods*. London: SAGE Publications.

Byrne, B. M. (2010). *Structural Equation Modelling with AMOS. Basic concepts, applications and programming*. Mahwah: New Jersey: Earlbum

Cohen, R. J., & Swerdlik, M. E. (2002). *Psychological testing and assessment: An introduction to test and measurement.* 5th Edition. Boston: Mcgraw-Hill.

Cohen, R. J., & Swerdlik, M. E. (2005). *Psychological Testing and Assessment: An Introduction to Tests and Measurement*. 6th Edition. New York: McGraw-Hill.

Darussalam Budin. (2014). Pendidikan Juvana Di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan Dan Cabaran (Juvenil Educations in Jabatan Penjara Malaysia: Policy, Direction, Implimentation and Challanges). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, *6*(1), 87-104.

Fatimah Tambi. (2009). Penilaian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah-Sekolah Rendah di Negeri Selangor Daripada Perspektif Guru Besar dan Guru Pemulihan Khas. (Tesis Ph.D) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fijwala, S., Palasinski, M. and Shortland, N. (2014), "The basic determinants of perceived increase in violent, sexual and benefit fraud crimes", *Safer Communities*, Vol. 13 No. 4, pp. 180-188. https://doi.org/10.1108/SC-07-2014-0010

Fitria, H. (2018). The influence of organizational culture and trust through the teacher performance in the private secondary school in Palembang. *International Journal of Scientific & Technology Research*, *7*(7), 82-86.

Darusalam, G., & Hussin, S. (2018). *Metadologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Gorsuch, R. L. (1983). Three methods for analyzing limited time-series (N of 1) data. *Behavioral Assessment* 5(2), 141-154.

Guilford, J. P. (1954). *Psychometric Methods*. New York: McGraw-Hill.

Hair, Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis (7th Edition).* San Francisco: Pearson Prentice Hall Inc.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Multivariate data analysis 7th edition*. Pearson Education.

Pauzi, H. M., Saim, N. J., Sarnon, N., & Kamaluddin, M. R. (2016). Faktor-Faktor Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak Yang Berkesan Untuk Pesalah Kanak-Kanak. *e-BANGI*, *11*, 23-36.

Ludwig, J. P., Faiz, E. B., Paloschi, R. B., & de Souza, J. (2015). Strategic planning: Analysis of efficiency methodology applied through likert scale . Espacios, 36(16), 1.

McMillan, J. (2008). *Educational Research Fundamental for the consumer*. Boston: Pearson Allyn and Bacon

Mohd Effendi Ewan Mohd Matore.(2015). *Pembinaan Instrumen Kecerdasan Menghadapi Cabaran (IKBAR) bagi Pelajar Politeknik Menggunakan Model RASCH*. (Tesis Ijazah Kedoktoran) Universiti Sains Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Murphy, K. R., & Davidshofer, C. O. (2005). *Psychological testing: principles and applications (6th ed.)*. Pearson.

Newmann, F., King, M. B., dan Rigdon, M. (1997). Accountability and school performance: Implications from restructuring schools. *Harvard educational review*, *67*(1), 41.

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (Edisi Ketiga). New York: McGraw Hill.

Royse, D. D. (2001). *Teaching tips for college and university instructors: A practical guide*. Allyn dan Bacon.

Sekaran, U., & Bougie, R. (2011). *Research methods for business: a skill building approach (5th ed.).* New Delhi: John Wiley & Sons.

Timperley, H. S. (2005). Instructional leadership challenges: The case of using student achievement information for instructional improvement. *Leadership and Policy in Schools*, *4*(1), 3-22.

UNESCO. (2000). World Education Forum. *Education for All: Global Monitoring Report*. Dakar Senegal.

Walberg, H. J., Fraser, B. J., & Welch, W. W. (1986). A test of a model of educational productivity among senior high school students. *The Journal of Educational Research*, *79*(3), 133-139.

Zainudin Awang. (2015). *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling*. Bangi, Selangor: MPWS Rich Publication.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).